

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 48
RUANGAN : UTUSAN KOTA

848 kompaun di kawasan larangan merokok

MELAKA 28 Nov. - Jabatan Kesihatan negeri telah mengeluarkan sebanyak 848 kompaun berjumlah RM150,950 membabitkan kesalahan merokok di kawasan larangan di seluruh negeri ini sepanjang tempoh Januari hingga Oktober lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Anti Dadah negeri, Low Chee Leong berkata, daripada jumlah itu, sebanyak 512 kompaun dikeluarkan di kawasan Melaka Tengah manakala Alor Gajah dan Jasin masing-masing sebanyak 172 dan 164 kompaun.

Menurutnya, kesemua 848 kompaun yang dikeluarkan di bawah Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau 2004 itu telah dijelaskan dengan jumlah amaun diterima sebanyak RM106,145 sepanjang tempoh tersebut.

"Bagi penguatkuasaan di Zon Melaka Bebas Asap Rokok (MBAR) pula, sehingga minggu ke-46 tahun ini sebanyak 1,126 Notis Kesalahan 32B (merokok di kawasan larangan) telah dikeluarkan melibatkan 848 penduduk tempatan, 250 pelancong tempatan dan 28 pelancong asing.

"Majoriti Notis Kesalahan 32B yang dikeluarkan melibatkan kesalahan merokok di kawasan larangan di bawah Perintah 22 iaitu sebanyak 638 kesalahan serta 477 kesalahan di bawah Perintah 13 iaitu golongan belum dewasa yang memiliki atau menghisap rokok," katanya dalam Sesi Dialog Bersama Media di Seri Negeri, Ayer Keroh di sini.

Yang turut hadir, Pemangku Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Amirullah Mohd. Arshad.

Menurut Chee Leong, lima Zon MBAR yang telah diwartakan oleh Kementerian Kesihatan sejak 2011 itu termasuk Melaka Raya, Melaka Bandar Raya Warisan Dunia, Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), pusat bandar Alor Gajah dan pusat bandar Jasin.